

e-Buletin

EDISI OKTOBER 2024

JSKM

Ts. Dr. Rozita Kadar
Pendidik Berwawasan,
Pemimpin Inspirasi.

KELUARAN KE-12

eISSN 2637-0077



9 772637 007004



ISI KANDUNGAN e-BULETIN

Sidang Redaksi:

Ketua Editor

Dr. Siti Nurleena Abu Mansor

Editor

Ts. Jamal Othman

Pn. Siti Mariam Saad

En. Ahmad Rashidi Azudin

Terbitan:



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Cawangan Pulau Pinang

Unit Penerbitan e-Buletin

Jabatan Sains Komputer dan Matematik

UiTM Cawangan Pulau Pinang

13500 Permatang Pauh

Pulau Pinang

Kata Pengantar Ketua Editor 02

Kata Pengantar Koordinator 03

Pendidik Berwawasan,
Pemimpin Inspirasi 04

Laporan Aktiviti 05

Perkongsian 31

Puisi 59

Uji Minda 64

PERKONGSIAN



Troubleshooting UiTMPPMS

Oleh: Mohd Syafiq Abdul Rahman



Aplikasi UiTM Pulau Pinang Management Apps (UiTMPPMS) merupakan sebuah platform one stop center yang serba lengkap yang dibangunkan oleh Unit Sistem Maklumat, Bahagian Infostruktuf, Universiti Teknologi MARA Cawangan Pulau Pinang (UiTM CPP). Aplikasi ini direka untuk memudahkan akses kepada pelbagai sistem dan aplikasi yang digunakan di kampus. Dengan antara muka yang mesra pengguna, UiTMPP menyediakan ciri-ciri seperti papan pemuka, senarai aktiviti, senarai sistem dan aplikasi, notifikasi, serta pengimbas kod QR. Aplikasi ini bertujuan untuk meningkatkan kecekapan pengurusan dan komunikasi dalam kalangan warga kampus, sekaligus menyokong proses pembelajaran dan pentadbiran yang lebih lancar dan efektif.


Kegunaan utama aplikasi ini ialah untuk staf UiTM CPP mengimbas kod QR untuk mengisi kehadiran bagi program-program yang telah diluluskan oleh Pengurusan Sumber Manusia UiTM CPP. Melalui aplikasi ini, peserta hanya perlu mengimbas kod QR di akhir program untuk membuktikan sebagai kehadiran melalui telefon bimbit masing-masing. Sebagai staf UiTM khususnya dan staf kerajaan amnya, staf diwajibkan menghadiri kursus selama 42 jam setahun secara kumulatif. Oleh itu, aplikasi ini sangat membantu untuk setiap staf mengumpul jam latihan tersebut.

Di setiap ciptaan manusia, pasti ada kekurangannya. Aplikasi UiTMPPMS tidak terkecuali. Pengguna sering mengalami masalah apabila diakhir program, fungsi pengimbas kod QR tidak berfungsi. Oleh itu, bagi mengatasi masalah ini, penulis akan berkongsi cara-caranya. Terdapat dua cara untuk trouble shoot masalah ini. Cara pertama ialah dengan clear cache dan cara kedua ialah melalui incognito window.

Sebelum trouble shooting, pengguna harus pastikan dulu yang aplikasi di telefon bimbit di versi yang terbaru. Untuk kenal pasti, pengguna harus tekan butang Menu di bawah paling kanan. Versi yang terbaru ialah v2.51 19022024. Kemudian, pengguna juga harus pastikan yang akaun pengguna telah berjaya login. Jika profil pengguna tidak tertera, ini pengguna harus melakukan trouble shooting.

Contoh paparan menunjukkan profil pengguna tidak berjaya login dengan betul.

Masalah ini berlaku kerana cache website yang disimpan adalah versi yang lama. Oleh itu, cara untuk trouble shoot adalah dengan membuang cache dari system telefon bimbit.



Cara Pertama: Clear Cache

Cara ini adalah saranan dari pihak pembangun sendiri untuk pengguna iOS dan Android.

Bagi pengguna iOS,

Sila clear site data pada tatacara berikut:-

Settings > Safari > Advanced > Website Data > cari uitm.edu.my > Edit > Delete

Kemudian, login semula ke UiTMPPMS di aplikasi Safari dengan menggunakan Google UiTM.

Bagi pengguna Android,


Settings > Site Setting > Data Stored > Cari UiTMPPMS > Delete All Data dan login semula ke UiTMPPMS yang telah dimuat turun menggunakan Google UiTM.

Sila refresh selepas login jika senarai program tidak terpapar.

Mungkin bagi sesetengah pengguna merasakan yang cara pertama ini sangat remeh dan menyusahkan. Jadi, pengguna boleh menggunakan cara kedua yang lebih mudah. Ini adalah cara yang penulis sendiri kenalpasti.

Cara kedua: Login menggunakan mod incognito

Cara ini boleh diguna pakai oleh semua pengguna samada pegguan iOS atau Android. Melalui aplikasi Google Chrome, tekan butang Window seperti gambar di bawah.



Kemudian, pilih mod incognito.



Apabila telah masuk ke mod incognito, tekan tambah untuk membuka tettingkap baharu. Kemudian, masukkan alamat web aplikasi UiTMPPMS iaitu <https://uitmppms.uitm.edu.my/> di bahagian carian di atas. Selepas itu, pengguna boleh login ke aplikasi tersebut menggunakan Google UiTM seperti biasa.

Cara kedua lebih mudah dan tidak merumitkan. Penulis berharap agar dengan perkongsian ini, pengguna dapat menggunakan aplikasi UiTMPPMS dengan lancar selepas ini.





الجامعة
UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Cawangan Pulau Pinang

Unit Penerbitan e-Buletin
Jabatan Sains Komputer dan Matematik
UiTM Cawangan Pulau Pinang
13500 Permatang Pauh
Pulau Pinang

eISSN 2637-0077



9 7726 3700 7004